



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**LAYANAN CUKAI KE ATAS
STOK PERDAGANGAN
BAHAGIAN 1 – PENILAIAN STOK

KETETAPAN UMUM NO. 2/2020**

TARIKH PENERBITAN: 3 JUN 2020



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**LAYANAN CUKAI KE ATAS STOK
PERDAGANGAN BAHAGIAN 1 –
PENILAIAN STOK**

**Ketetapan Umum No. 2/2020
Tarikh Penerbitan: 3 Jun 2020**

Diterbitkan oleh:

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi Kedua

Edisi pertama pada 31.5.2006

© 2020 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara. Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

LAYANAN CUKAI KE ATAS STOK
PERDAGANGAN BAHAGIAN 1 –
PENILAIAN STOK

Ketetapan Umum No. 2/2020
Tarikh Penerbitan: 3 Jun 2020

KANDUNGAN	Muka surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Pengenalan	2
5. Stok Perdagangan dan Kepentingannya	3
6. Penilaian Stok Perdagangan Awal dan Stok Perdagangan Akhir	7
7. Kaedah Penilaian Stok Perdagangan	9
8. Penilaian Stok Perdagangan Bagi Perniagaan yang Ditamatkan	13
9. Keusangan Stok Perdagangan	17
10. Pengurangan dalam Nilai Saham sebagai Stok Perdagangan	17
11. Kemaskini dan Pindaan	17
12. Penafian	18

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menjelaskan penilaian stok perdagangan berhubung perniagaan yang dijalankan oleh seseorang di Malaysia.

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 2, 21, 21A, subseksyen 33(1) dan seksyen 35.

3. Tafsiran

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 “FIFO” (masuk dahulu, keluar dahulu) bermaksud kaedah yang menganggap stok perdagangan yang dibeli dahulu akan dijual dahulu dan baki stok perdagangan adalah daripada belian yang terkemudian.
- 3.2 “Kerja dalam proses” bermaksud barang-barang yang masih dalam proses pengeluaran yang mana akhirnya akan dijual dalam perjalanan biasa perniagaan.
- 3.3 “Kos purata berwajaran” bermaksud kaedah yang menilai stok perdagangan mengikut kos purata berwajaran bagi barangan yang sama yang ada untuk jualan pada awal tempoh dan yang dibeli atau yang dihasilkan dalam tempoh itu dibahagikan dengan bilangan unit yang ada untuk jualan bagi mendapatkan kos purata berwajaran bagi seunit. Stok perdagangan pada akhir tempoh perakaunan dinilai dengan kos purata seunit.
- 3.4 “LIFO” (masuk kemudian, keluar dahulu) bermaksud kaedah yang menganggap stok perdagangan yang dibeli kemudian akan dijual dahulu dan baki stok perdagangan adalah terdiri daripada belian yang terawal.
- 3.5 “Nilai pasaran” berkaitan dengan apa jua, bermaksud harga yang boleh diperolehi baginya jika diperniagakan antara pembeli dan penjual mengikut transaksi selengan.
- 3.6 “Orang” termasuk suatu syarikat, suatu kumpulan orang, suatu perkongsian liabiliti terhad dan suatu perbadanan tunggal.
- 3.7 “Pendapatan larasan” daripada perniagaan seseorang bagi suatu tempoh asas untuk suatu tahun taksiran adalah pendapatan kasar daripada

perniagaan tersebut ditolak semua perbelanjaan yang dibenarkan yang dilakukan dalam menghasilkan pendapatan kasar di bawah peruntukan am dan peruntukan khas ACP.

- 3.8 “Perniagaan” termasuk profesion, pencarian dan perdagangan dan setiap perkilangan, usaha atau urusan yang bercorak perdagangan, tetapi tidak termasuk suatu penggajian.
- 3.9 “Stok perdagangan” berkenaan dengan suatu perniagaan, bermaksud apa-apa jenis harta, sama ada harta alih atau tidak alih, yang mana adalah sama ada –
- (a) harta seperti yang dijual dalam urusan biasa perniagaan atau akan dijual jika ia telah matang atau jika perkilangan, persediaan atau pembinaannya telah siap; atau
 - (b) bahan-bahan seperti yang digunakan dalam perkilangan, persediaan atau pembinaan apa-apa harta yang disebut dalam perenggan (a) di atas,

dan termasuk apa-apa kerja dalam proses.

3.10 “Tahun taksiran” bermaksud tahun kalendar.

3.11 “Tempoh asas” berhubung dengan seseorang, punca seseorang tersebut dan suatu tahun taksiran, bermaksud tempoh asas tersebut, jika ada, sepertimana yang ditentukan mengikut seksyen 21 atau 21A ACP.

4. Pengenalan

Stok perdagangan adalah apa-apa yang diperolehi, dihasilkan atau dibuat oleh suatu perniagaan bagi tujuan pengilangan, menjual atas keuntungan atau pertukaran. Jenis sesuatu perniagaan hendaklah dipastikan untuk menentukan sama ada aset tertentu perniagaan itu adalah stok perdagangan (biasanya dirujuk sebagai inventori). Suatu aset adalah stok perdagangan bagi suatu perniagaan tetapi boleh menjadi aset modal bagi suatu perniagaan yang lain. Adalah penting stok perdagangan bagi suatu perniagaan termasuk kerja dalam proses dibuat penilaian yang betul pada akhir tempoh perakaunan kewangan. Ini adalah untuk memastikan keuntungan perniagaan dan cukai pendapatan yang kena dibayar boleh ditentukan dengan tepat.

5. Stok Perdagangan dan Kepentingannya

Bagi tujuan percukaian, nilai stok perdagangan yang diambil kira dalam menentukan pendapatan larasan perniagaan dipastikan dengan mengikut sekyen 35 ACP. Nilai stok perdagangan pada akhir tempoh asas adalah sama dengan nilai stok perdagangan pada awal tempoh asas berikutnya. Dengan itu, penilaian stok perdagangan adalah penting untuk menentukan pendapatan larasan suatu perniagaan.

5.1 Maksud stok perdagangan

Stok perdagangan berkaitan dengan suatu perniagaan bermaksud apa-apa jenis harta, sama ada harta alih atau tidak alih dan bahan-bahan yang digunakan dalam perjalanan biasa perniagaan itu. Stok perniagaan bagi suatu perniagaan adalah berhubung dengan perniagaan yang telah memulakan operasi. Harta bagi suatu perniagaan -

- (a) adalah merujuk kepada suatu aset yang akan dijual dalam perjalanan biasa perniagaan dan apa-apa stok yang masih dalam peringkat pengeluaran atau barangan siap untuk dijual. Stok perdagangan juga termasuk bahan-bahan mentah yang digunakan dalam proses pengeluaran; dan
- (b) adalah lebih daripada hanya barangan fizikal seperti tanah dan bangunan. Ia juga termasuk hak dan kepentingan yang boleh dimiliki dan mempunyai nilai seperti saham, bon dan sekuriti yang boleh dipasarkan.

Kerja dalam proses adalah juga termasuk sebagai sebahagian stok perdagangan.

5.2 Pemindahan pemilikan harta dalam barangan daripada penjual kepada pembeli

Apabila seseorang membeli barangan yang akan digunakan sebagai stok perdagangan dalam perniagaannya, dan sekiranya terdapat kontrak antara penjual dan pembeli, pemindahan hak milik harta dalam barangan daripada seorang penjual kepada pembeli pada amnya akan dilakukan mengikut perjanjian atau terma kontrak. Menurut Akta Jualan Barangan 1957 –

- (a) jika terdapat kontrak bagi penjualan barangan tertentu, harta dalam barangan itu berpindah kepada pembeli pada masa dan ketika yang dihasratkan oleh kedua-dua pihak yang berkontrak. (Hasrat tersebut dipastikan dengan melihat kepada terma-terma kontrak, kelakuan kedua-dua pihak dalam kontrak dan keadaan bagi setiap kes itu);
- (b) jika terdapat kontrak tanpa syarat bagi penjualan barangan tertentu yang berada dalam keadaan boleh dihantar serah, harta dalam barangan itu

berpindah kepada pembeli semasa kontrak dibuat, dan ia tidak material sama ada pada masa pembayaran harganya atau pada masa serahan barangan, atau kedua-duanya, ditangguh;

- (c) jika terdapat kontrak bagi penjualan barangan tertentu dan penjual terikat untuk melakukan sesuatu ke atas barangan itu agar ianya boleh diletakkan di dalam keadaan boleh diserahkan, harta dalam barangan itu tidak berpindah daripada penjual kepada pembeli sehingga perkara itu telah dilakukan dan pembeli telah diberitahu mengenainya;
- (d) jika terdapat kontrak bagi penjualan barangan yang tidak pasti atau barangan masa hadapan berdasarkan deskripsi, dan barangan atas deskripsi dan dalam keadaan yang boleh diserahkan tersebut, adalah diperuntukkan tanpa syarat dalam kontrak sama ada oleh penjual dengan persetujuan pembeli atau oleh pembeli dengan persetujuan penjual, harta dalam barangan itu seterusnya akan berpindah kepada pembeli. Persetujuan tersebut boleh dilakukan secara nyata atau tersirat dan persetujuan itu boleh dilakukan sebelum atau selepas peruntukan dibuat; dan
- (e) sekiranya berlaku kontrak penjualan barangan tertentu yang berada dalam keadaan boleh diserahkan tetapi pihak penjual harus menimbang, menyukat, menguji, atau melakukan tindakan atau perkara yang lain bagi maksud menentukan harganya, harta dalam barangan itu tidak akan berpindah kecuali tindakan tersebut telah dilakukan dan pembeli diberitahu mengenainya.

5.3 Penentuan pendapatan larasan

Jika seseorang mempunyai punca pendapatan perniagaan, pendapatan larasan perniagaannya hendaklah ditentukan.

- (a) Pada amnya, pendapatan larasan daripada perniagaan seseorang untuk suatu tempoh asas bagi suatu tahun taksiran adalah ditentukan seperti berikut menurut subseksyen 34(1) dan seksyen 5 ACP:

	RM
Pendapatan kasar	XX
Tolak:	
Perbelanjaan dibenarkan potongan	<u>XX</u>
Pendapatan larasan	<u>XX</u>

- (b) Dalam menentukan pendapatan larasan daripada perniagaan seseorang untuk suatu tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, nilai stok perdagangan pada awal dan pada akhir tempoh tersebut hendaklah

diambil kira. Nilai stok perdagangan pada awal dan pada akhir tempoh perakaunan adalah diambil kira seperti berikut:

	RM	RM
Jualan atau perolehan		XX
Tolak:		
Stok perdagangan awal	XX	
Belian	XX	
Kos pengeluaran daripada akaun pengilangan	<u>XX</u>	
	XX	
Tolak:		
Stok perdagangan akhir	<u>XX</u>	
Kos barang dijual		<u>XX</u>
Untung kasar		XX
Tolak:		
Perbelanjaan dibenarkan potongan		<u>XX</u>
Pendapatan larasan		<u>XX</u>

5.4 Perubahan nilai antara stok awal dan stok akhir perdagangan

Dalam menentukan pendapatan larasan bagi suatu tahun taksiran, yang mana nilai stok perdagangan pada akhir tempoh asas -

- melebihi nilai stok perdagangan pada awal tempoh asas, amaun perbezaan itu akan ditolak daripada jumlah perbelanjaan dibenarkan potongan, menyebabkan peningkatan dalam pendapatan larasan perniagaan; dan
- kurang daripada nilai stok perdagangan awal bagi suatu tempoh asas, perbezaan itu akan ditambah kepada jumlah perbelanjaan dibenarkan potongan, menyebabkan pengurangan dalam pendapatan larasan perniagaan.

Contoh 1

Star Sdn Bhd menjalankan perniagaan menjual alat tulis sejak 2010 dan syarikat menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun. Bagi tahun berakhir 31.12.2018 maklumat akaun perniagaannya adalah seperti berikut:

	RM
Jualan	850,000
Belian	225,000
Stok perdagangan awal	100,000
Stok perdagangan akhir	180,000
Perbelanjaan dibenarkan	250,000

Pengiraan Pendapatan Larasan – Tahun Taksiran 2018

	RM	RM
Jualan		850,000
Tolak:		
Stok perdagangan awal	100,000	
Belian	<u>225,000</u>	
	325,000	
Tolak:		
Stok perdagangan akhir	180,000	
Kos barang dijual		<u>145,000</u>
Pendapatan kasar		705,000
Tolak:		
Perbelanjaan dibenarkan		<u>250,000</u>
Pendapatan larasan		<u>455,000</u>

Oleh kerana stok perdagangan akhir (RM180,000) melebihi stok perdagangan awal (RM100,000), jumlah perbelanjaan yang boleh dibenarkan potongan adalah dikurangkan dengan amaun lebihan sebanyak RM80,000 (225,000 + 250,000 – 80,000). Oleh itu menyebabkan peningkatan dalam pendapatan larasan.

Contoh 2

Fakta adalah sama seperti di **Contoh 1** kecuali stok perdagangan awal adalah RM180,000 dan stok perdagangan akhir RM100,000.

Pengiraan Pendapatan Larasan – Tahun Taksiran 2018

	RM	RM
Jualan		850,000
Tolak:		
Stok perdagangan awal	180,000	
Belian	<u>225,000</u>	
	405,000	
Tolak:		
Stok perdagangan akhir	100,000	
Kos barang dijual		<u>305,000</u>
Untung kasar		545,000
Tolak:		
Perbelanjaan dibenarkan		<u>250,000</u>
Pendapatan larasan		<u>295,000</u>

Oleh kerana stok perdagangan awal (RM180,000) melebihi stok perdagangan akhir (RM100,000), jumlah perbelanjaan dibenarkan potongan adalah bertambah dengan lebih amaun sebanyak RM80,000 (225,000 + 250,000 + 80,000). Oleh itu, menyebabkan pengurangan dalam pendapatan larasan.

6. Penilaian Stok Perdagangan Awal dan Stok Perdagangan Akhir

6.1 Nilai stok perdagangan awal

Nilai stok perdagangan pada awal tempoh asas, kecuali bagi kes perniagaan yang baru bermula, mesti sama dengan nilai stok perdagangan pada akhir tempoh asas sebelumnya.

6.2 Nilai stok perdagangan akhir

Nilai stok perdagangan pada akhir tempoh asas –

- (a) adalah nilai pasaran pada akhir tempoh tersebut; atau
- (b) sekiranya seseorang yang menjalankan perniagaan membuat pilihan bahawa stok adalah bersifat ketara secara fizikal adalah suatu amaun yang bersamaan dengan jumlah kos perolehan item tersebut (atau apa-apa bahan yang digunakan dalam pengilangannya, penyediaannya atau pembinaannya) dan termasuk kos membawa item tersebut kepada keadaan dan lokasinya.

Dalam lain perkataan, seseorang yang menjalankan perniagaan adalah dibenarkan untuk membuat pilihan bagi menilai stok perdagangan tertentu pada jumlah kos perolehan item itu dan juga kos membawa item tersebut kepada keadaan dan lokasinya. Pilihan hanya terpakai bagi item yang ketara dari segi fizikal (seperti tekstil, buku dan peralatan alat tulis).

Walau bagaimanapun, bagi item stok perdagangan yang tertentu iaitu item stok perdagangan yang terdiri daripada harta tak alih, *stocks*, saham atau sekuriti yang boleh dipasarkan, nilai item-item ini pada akhir tempoh asas berkenaan adalah amaun bersamaan dengan harga kos atau nilai pasaran, yang mana lebih rendah. Pilihan tidak boleh dibuat untuk menilai stok perdagangan pada kos bagi item stok perdagangan tertentu yang dinyatakan ini.

6.3 Penilaian stok perdagangan pada nilai pasaran

Nilai pasaran berhubung dengan apa jua, bermaksud harga yang boleh diambil jika dijual dalam transaksi antara orang-orang yang tidak mempunyai kaitan antara satu sama lain membuat rundingan pada transaksi selengan. Kaedah kos penggantian untuk menilai stok perdagangan tidak boleh

digunakan kerana ia melibatkan penentuan harga daripada suatu pasaran yang mana pedagang membuat transaksi. Kaedah kos penggantian ini tidak memenuhi maksud nilai pasaran bagi tujuan cukai.

Terdapat juga keadaan di mana pedagang mengambil kaedah konservatif dalam menilai stok perdagangannya pada nilai pasaran. Nilai yang diambil adalah pada harga yang boleh diperoleh jika perniagaan itu terpaksa menjual barangan tersebut pada harga yang rendah atau apabila perniagaan hampir tutup. Kaedah ini tidak diterima bagi tujuan cukai.

6.4 Penilaian stok perdagangan pada kos

Pilihan perlu dibuat untuk menilai stok perdagangan suatu perniagaan pada kos. Walau bagaimanapun, bagi butiran stok perdagangan yang tertentu, nilainya adalah berdasarkan kos atau nilai pasaran yang mana lebih rendah sebagaimana diperuntukkan di bawah ACP.

(a) Kos pemerolehan

Jumlah kos pemerolehan stok perdagangan adalah termasuk:

- (i) kos langsung atas pembelian barangan yang dibeli untuk dijual semula dan bahan-bahan dan komponen-komponen yang digunakan dalam pengeluaran barangan siap;
- (ii) perbelanjaan langsung lain yang boleh dikenal pasti secara spesifik dilakukan dalam memperoleh stok atau membawa stok kepada keadaan dan lokasi sedia ada (contoh duti kastam, kos tenaga buruh, pengangkutan dan pembungkusan); dan
- (iii) sebahagian daripada perbelanjaan overhead yang boleh dikaitkan dengan pembuatan sesuatu barangan (contoh sewa pejabat, caj utiliti, alat tulis dan perkhidmatan penyelenggaraan).

(b) Kaedah-kaedah kos yang boleh diterima.

Kaedah jumlah kos yang terpakai bagi tujuan perakaunan hendaklah menggunakan prinsip *first-in-first-out* (FIFO) atau formula kos purata wajaran. Kaedah kos yang lain seperti *last-in-first-out* (LIFO) tidak boleh diterima bagi tujuan cukai pendapatan.

6.5 Penilaian kerja dalam proses

Kerja dalam proses bagi barangan belum siap hendaklah dinilai sama ada pada kos atau nilai pasaran.

(a) Nilai pasaran kerja dalam proses

Kerja dalam proses bagi barangan belum siap jika dinilai pada nilai pasaran mestilah diandaikan ianya untuk kegunaan tertentu kepada pembeli yang berpotensi dan biasanya tidak boleh dinilai pada nilai kurang daripada kos hanya kerana barangan itu belum siap dan tiada pasaran sebenar untuk barangan belum siap.

(b) Kos kerja dalam proses

- (i) Kos kerja dalam proses hendaklah termasuk bukan sahaja kos bahan mentah yang digunakan dalam barangan tersebut tetapi juga apa-apa perbelanjaan yang membawa barangan siap pada keadaannya pada akhir tempoh asas. Ini termasuk perbelanjaan langsung lain seperti kos tenaga buruh dan sebahagian kos overhead seperti sewa kilang dan utiliti.
- (ii) Jika barangan belum siap tidak ada pasaran di mana ia boleh dijual sebagai bahan mentah untuk pengilang yang lain, barangan belum siap itu hendaklah dinilai pada kos.

7. Keadah Penilaian Stok Perdagangan

Kaedah penilaian stok perdagangan yang dipilih oleh suatu perniagaan mungkin mempunyai kesan yang signifikan ke atas akaun untung rugi, kunci kira-kira dan cukai kena dibayar.

7.1 Penentuan penilaian stok perdagangan

Nilai stok perdagangan akhir hendaklah ditentukan butiran demi butiran pada setiap akhir tempoh perakaunan. Walau bagaimanapun, jika didapati perkara tersebut tidak praktikal untuk dilakukan (terutamanya bagi barangan yang bersaiz kecil tetapi bilangannya besar) stok perdagangan hendaklah dikumpul mengikut jenis atau sifat. Nilai stok perdagangan seterusnya hendaklah ditentukan mengikut kelompok atau kumpulan yang dapat dikenal pasti dengan jelas atau mengikut butiran yang berkaitan.

7.2 Layanan perakaunan

- (a) Piawaian perakaunan yang diiktiraf di Malaysia yang terpakai kepada stok perdagangan adalah MFRS 102 bagi Inventori dan seksyen 13 *Malaysian Private Entities Reporting Standards* (MPERS) yang menyediakan panduan dalam menentukan kos dan pengiktirafan berikutnya sebagai suatu perbelanjaan, termasuk apa-apa penurunan nilai kepada nilai teralis bersih. Piawaian- piawaian ini juga menyediakan panduan atas formula bagi kos yang digunakan untuk menetapkan kos kepada inventori.
- (b) Mengikut piawaian perakaunan ini, inventori diiktiraf dan diukur pada kos lebih rendah dan nilai teralis bersih yang mana –
 - (i) Kos inventori terdiri daripada semua kos belian, kos penukaran dan kos-kos lain yang dilakukan yang membawa inventori kepada lokasi dan keadaan semasa.
 - (ii) Nilai teralis bersih didefinisikan sebagai anggaran harga jualan dalam perjalanan biasa perniagaan tolak anggaran kos bagi penyelesaian dan anggaran kos yang perlu untuk melakukan jualan. Ia merujuk kepada nilai bersih yang suatu entiti jangkakan untuk direalisasi bagi jualan inventori.
 - (iii) Nilai saksama mencerminkan harga yang mana transaksi secara teratur untuk menjual inventori yang sama di pasaran utama (atau yang paling berfaedah) bagi inventori berkenaan yang akan berlaku di antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran.

Nilai teralis bersih bagi inventori berkemungkinan tidak sama dengan nilai saksama ditolak kos jualan.

7.3 Layanan cukai

- (a) Subseksyen 35(3) ACP menerangkan asas penilaian stok perdagangan yang boleh diterima bagi tujuan cukai pendapatan. Secara amalnya, suatu perniagaan perlu patuh kepada prinsip perakaunan yang diterima umum. Apabila ini terjadi, dan asas penilaian stok perdagangan tidak diterima bagi tujuan percukaian, pelarasan dalam pengiraan cukai hendaklah dibuat supaya penilaian stok perdagangan adalah mematuhi kehendak ACP. Ini adalah untuk memastikan pendapatan larasan dapat ditentukan dengan betul.

(b) Bagi tujuan cukai –

- (i) Nilai pasaran inventori (stok perdagangan) adalah sama dengan harga saksama atau anggaran harga jualan.
- (ii) Nilai teralis bersih tidak boleh diterima.
- (iii) Nilai bagi mana-mana item stok perdagangan tertentu pada akhir tempoh asas adalah nilai pasaran pada masa itu ataupun seseorang itu boleh memilih untuk menilai stok perdagangan pada jumlah kos perolehan item tersebut (atau apa-apa bahan yang digunakan dalam perkilangan, penyediaan atau pembinaan) dan kos untuk membawa item tersebut kepada keadaan dan lokasinya. Pilihan untuk menilai pada jumlah kos hanya terpakai bagi item yang ketara dari segi fizikal (seperti tekstil, buku-buku dan alat tulis).
- (iv) Dalam kes stok perdagangan yang terdiri daripada harta tak alih, *stocks*, saham atau sekuriti yang boleh dipasarkan, nilai stok perdagangan pada akhir tempoh asas hendaklah harga kos atau nilai pasaran pada masa itu, yang mana lebih rendah.
- (v) Jika nilai teralis bersih stok adalah lebih rendah daripada kos, pelarasan cukai hendaklah dibuat seperti berikut:
 - Nilai inventori daripada nilai bersih teralis hendaklah diletakkan semula kepada nilai pasaran; dan
 - Anggaran kos bagi penjualan atau anggaran kos jualan yang telah ditolak daripada anggaran harga jualan hendaklah di tambah balik dalam pengiraan cukai.

Kos jualan adalah kos untuk promosi dan pemasaran produk kepada pelanggan. Ia termasuk perbelanjaan seperti kempen pengiklanan, pengedaran bahan-bahan promosi, sewaan bilik pameran, sewaan pejabat jualan, gaji dan manfaat kakitangan jualan, komisen jualan dan sebagainya.

Contoh 3

Tempoh perakaunan Syarikat X berakhir pada 31 Disember setiap tahun dan nilai suatu item stok perdagangan syarikat pada 31.12.2018 adalah seperti berikut:

	RM
Anggaran harga jualan suatu item	100
Anggaran kos jualan suatu item	<u>10</u>
Nilai teralis bersih dilaporkan dalam akaun	<u>90</u>

Bagi tujuan cukai, nilai pasaran item tersebut adalah anggaran harga jualan iaitu RM100 dan bukannya RM90. Kos untuk menjual item berjumlah RM10 hendaklah ditambah balik dalam pengiraan cukai. Stok awal bagi tempoh asas seterusnya hendaklah bersamaan dengan stok akhir sebaik tempoh asas sebelum.

- (vi) Sebarang kaedah yang boleh diterima yang digunakan dalam penilaian stok perdagangan atau kerja dalam proses hendaklah diguna pakai secara konsisten. Jika terdapat alasan yang sah bagi pertukaran (contohnya, untuk mendapatkan penilaian stok perdagangan yang lebih tepat pada kos atau nilai pasaran), maklumat terperinci berhubung dengan pertukaran hendaklah didokumenkan dengan sewajarnya dan ditunjukkan di dalam penyata akaun dan pengiraan cukai.
- (vii) Jika terdapat pertukaran dalam penilaian stok perdagangan awal atau kerja dalam proses disebabkan oleh pertukaran polisi perakaunan syarikat dalam suatu tahun kewangan, kesan pertukaran ini ke atas keuntungan syarikat hendaklah ditunjukkan di dalam pengiraan cukai bagi tahun itu. Bagi tujuan audit, pertukaran polisi dan pertukaran asas penilaian stok perdagangan hendaklah ditunjukkan dan pelarasan yang berkenaan hendaklah ditunjukkan dengan jelas.

Contoh 4

ABC Sdn. Bhd. menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun. Dalam tahun 2018, syarikat memutuskan untuk menukar asas penilaian stok perdagangan daripada kos kepada nilai pasaran. Stok perdagangan awal dalam tahun 2018 yang pada asalnya dinilai pada kos juga ditukarkan kepada nilai pasaran. Berikut adalah nilai-nilai yang dipetik daripada akaun terakhir syarikat:

	Kos RM	Nilai pasaran RM
Stok perdagangan awal	10,000	12,000
Stok perdagangan akhir	-	14,000

Pertukaran dalam penilaian stok perdagangan awal iaitu peningkatan RM2,000 (RM12,000 – RM10,000) akan dikenakan cukai. Perbezaan RM2,000 tersebut akan ditambah kepada untung bersih bagi mengira pendapatan larasan syarikat.

Nota

- (1) Jika keadaan adalah sebaliknya di mana pertukaran nilai stok perdagangan awal berkurang sebanyak RM2,000, amaun ini adalah dibenarkan sebagai potongan.
- (2) Bagi perniagaan yang berterusan, nilai stok perdagangan awal hendaklah bersamaan dengan nilai stok perdagangan akhir sebaik tempoh asas sebelum (seperti yang telah diterangkan di perenggan 6 KU ini)
- (viii) Bagi inventori yang dibeli dengan kredit, kos stok perdagangan hendaklah direkod pada harga kos asal tanpa mengambil kira terma dan syarat bayaran. Jika bayaran awal dilakukan dan memperolehi pengurangan harga (diskaun) ke atas stok perdagangan tersebut, syarikat hendaklah meminda kos belian asal kepada kos stok perdagangan yang dikurangkan.

8. Penilaian Stok Perdagangan bagi Perniagaan yang Ditamatkan

Sekiranya seseorang menamatkan secara kekal untuk menjalankan perniagaan, kaedah khas adalah disediakan untuk menilai stok perdagangan akhir dalam keadaan berikut [subseksyen 35(5) ACP]:

8.1 Stok perdagangan yang dijual atau dipindahkan atas penamatan perniagaan

8.1.1 Jika seseorang menamatkan perniagaannya secara kekal dan –

- (a) apa-apa stok perdagangan dijual atau dipindahkan bagi perniagaan yang ditamatkan atau sebaik ditamatkan untuk suatu balasan yang bernilai kepada orang lain yang berhasrat untuk menggunakan stok yang dijual atau dipindahkan tersebut ke dalam perniagaannya atau dalam perniagaannya yang lain; dan
- (b) kos pembelian atau kos perpindahan stok perdagangan itu boleh ditolak sebagai belanja dalam mengira pendapatan larasan orang tersebut bagi tempoh asas untuk tahun taksiran perniagaannya atau perniagaannya yang lain,

nilai stok perdagangan yang dijual atau dipindahkan pada masa perniagaan ditamatkan hendaklah diambil pada amaun yang bersamaan dengan –

- (i) harga yang dibayar pada masa jualan; atau
- (ii) nilai balasan,

mengikut kes, dan diambil sebagai nilai stok perdagangan dalam akaun terakhir perniagaan yang ditamatkan secara kekal. Harga jualan atau nilai balasan bagi stok perdagangan yang dijual atau dipindah bagi perniagaan yang ditamatkan itu adalah harga kontrak (balasan berharga) dan bukannya nilai pasaran.

Contoh 5

A Sdn. Bhd. telah menamatkan perniagaan sebagai pemborong perabot pada 31.7.2018. Pada 10.8.2018 syarikat telah menjual kesemua baki stok perdagangan kepada C Sdn. Bhd. yang juga syarikat pemborong perabot, dengan harga RM80,000 walaupun kos sebenar stok perdagangan adalah RM120,000. C Sdn. Bhd. membeli perabot daripada A Sdn. Bhd. untuk digunakan sebagai stok perdagangan dan kos sebanyak RM80,000 adalah perbelanjaan yang boleh dibenarkan potongan dalam mengira pendapatan larasannya.

Dalam perakaunan A Sdn. Bhd. bagi tempoh berakhir 31.7.2018, syarikat hendaklah menilai stok perdagangan yang dijual pada harga jualan RM80,000 yang dibayar oleh pembeli, C Sdn. Bhd. sebagai –

- (a) pembeli berhasrat untuk menggunakan stok yang dibeli sebagai stok perdagangan dalam perniagaannya; dan
- (b) kos (RM80,000) pembelian stok adalah perbelanjaan yang boleh dibenarkan potongan dalam menentukan pendapatan larasan C Sdn. Bhd.

Contoh 6

B Sdn. Bhd. telah menamatkan perniagaannya, Korean kosmetik pada 30.9.2018. Pada 10.10.2018, syarikat telah memindahkan kesemua baki stok perdagangan pada harga RM50,000 kepada K Sdn. Bhd., sebuah syarikat pemborong kosmetik, bagi menyelesaikan hutangnya sebanyak RM60,000. K Sdn. Bhd. menggunakan stok yang dipindahkan sebagai stok perdagangan dalam perniagaannya.

Dalam akaun terakhir B Sdn. Bhd. bagi tempoh berakhir 30.9.2018, syarikat perlu menilai stok perdagangan yang dipindahkan pada nilai RM60,000 memandangkan ini adalah harga jualan atau nilai balasan stok perdagangan perniagaannya.

- 8.1.2 Jika seseorang menamatkan perniagaannya secara kekal dan subperenggan 8.1.1 tidak terpakai, nilai stok perdagangan perniagaan tersebut akan diambil pada nilai pasaran pada tarikh penamatan perniagaan itu.

Contoh 7

Fakta sama seperti di **Contoh 5** kecuali pada 31.7.2018, syarikat telah memindahkan beberapa perabot kepada adik-beradik pengarah syarikat tanpa balasan bernilai. Harga kos perabot tersebut adalah RM10,000 tetapi nilai pasaran perabot tersebut adalah RM15,000.

Nilai pasaran perabot sebanyak RM15,000 pada masa perniagaan ditamatkan akan dianggap sebagai pendapatan kasar perniagaan pada tempoh asas terakhir syarikat A Sdn. Bhd.

8.2 Stok perdagangan yang tidak terjual pada penamatan perniagaan

Sekiranya perniagaan ditamatkan secara kekal dan stok perdagangan perniagaan kekal tidak terjual, oleh itu pada akaun terakhir, stok perdagangan dalam tangan di ambil pada suatu amaun yang bersamaan dengan nilai pasaran pada masa perniagaan ditamatkan.

8.3 Jualan stok perdagangan bersama-sama dengan aset lain pada masa perniagaan ditamatkan

- (a) Jika mana-mana stok perdagangan dan item-item bagi aset perniagaan dijual atau dipindahkan bagi balasan tunai atau seumpamanya, jumlah harga balasan hendaklah diagih-agihkan secara adil dan munasabah;
- (b) Jika mana-mana stok perdagangan dipindahkan (berserta atau tidak dengan aset-aset lain) bagi suatu balasan selain daripada tunai atau seumpamanya, nilai balasan perlu diambil sebagai amaun bersamaan dengan nilai pasaran balasan tersebut pada tarikh ia dipindahkan, dan sekiranya stok perdagangan itu dipindahkan bersama-sama aset-aset lain, amaun tersebut hendaklah diagih-agihkan secara adil dan munasabah.

Contoh 8

D Sdn. Bhd. menjalankan perniagaan menjual kereta terpakai. Syarikat menjalankan perniagaan ini di tempat letak kereta terbuka atas tanah yang dipajak. Syarikat telah membina sebuah bangunan di satu sudut tanah untuk digunakan sebagai pejabat. Memandangkan perniagaan agak lembap syarikat bercadang untuk menamatkan operasi perniagaan pada 31.8.2018. Pada penghujung tempoh perakaunan berakhir 31.8.2018, syarikat memutuskan untuk menjual kesemua asetnya termasuk stok perdagangan berjumlah

RM700,000 kepada Z Sdn. Bhd., peniaga kereta terpakai. Z Sdn. Bhd. berhasrat menggunakan aset yang dibeli sebagai stok perdagangan dalam perniagaannya.

Amaun RM700,000 hendaklah dibahagikan di antara kesemua aset yang dijual seperti stok perdagangan, bangunan dan peralatan pejabat. Mana-mana kaedah pembahagian boleh diterima asalkan ianya berpatutan dan munasabah. Dalam contoh ini, nilai kereta dan bangunan telah ditentukan iaitu masing-masing sebanyak RM600,000 dan RM100,000.

8.4 Nilai stok perdagangan bagi perniagaan ditamatkan di tangan orang yang membeli stok

Apabila seseorang membeli stok perdagangan daripada suatu perniagaan, dan perniagaan itu tamat atau sebaik selepas ia ditamatkan, orang itu (pembeli) hendaklah membawa stok tersebut ke dalam perniagaannya pada nilai yang sama dengan –

- (a) harga yang dibayar untuk belian stok; atau
- (b) nilai balasan.

Kos stok perdagangan ini akan digunakan oleh pembeli tersebut untuk mengira pendapatan larian perniagaan atau perniagaannya yang lain, yang mana digunakan olehnya atau berhasrat untuk menggunakan mana-mana stok perdagangan tersebut.

Contoh 9

Fakta adalah sama seperti **Contoh 5** dan tempoh perakaunan C Sdn. Bhd. berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

Memandangkan nilai balasan yang diterima oleh B Sdn. Bhd. adalah RM80,000, C Sdn. Bhd. hendaklah menilai stok perdagangan sebanyak RM80,000 sebagai sebahagian beliannya bagi tempoh asas berakhir 31.12.2018.

Contoh 10

Fakta adalah sama seperti **Contoh 8** kecuali bahawa D Sdn. Bhd. menjual kesemua stok perdagangan iaitu kereta terpakai kepada X Sdn. Bhd., pengedar jualan dan kereta-kereta terpakai dibeli untuk digunakan sebagai kereta syarikat oleh kakitangan jualannya di seluruh negara. Tempoh perakaunan X Sdn. Bhd. berakhir pada 30 Jun setiap tahun. Syarikat berhasrat untuk menuntut elaun modal untuk kesemua kereta terpakai yang dibeli.

Oleh kerana X Sdn. Bhd. membeli kereta-kereta terpakai –

- (a) untuk menjadi aset modal syarikat dan bukan sebagai stok perdagangan syarikat; dan
- (b) kos kereta-kereta adalah bukan perbelanjaan yang boleh dipotong di bawah subseksyen 33(1) ACP dalam menentukan pendapatan larasan syarikat,

nilai pasaran kereta-kereta yang dijual pada masa perniagaan D Sdn. Bhd. ditamatkan (31.8.2018) hendaklah diambil sebagai nilai stok D Sdn. Bhd. pada tempoh asas berakhir 31.8.2018.

9. Keusangan Stok Perdagangan

Suatu peruntukan bagi keusangan stok perdagangan adalah tidak boleh dibenarkan. Penghapusan stok perdagangan sebenar yang dimasukkan di dalam akaun untung rugi boleh dibenarkan sekiranya ia telah direalisasikan. Pelarasan dikehendaki dilakukan kepada stok perdagangan awal dalam tahun berikutnya.

10. Pengurangan dalam Nilai Saham sebagai Stok Perdagangan

Jika seseorang berurusan dalam perniagaan saham dan saham adalah sebahagian daripada stok perdagangannya, apa-apa pengurangan dalam nilai saham untuk mencerminkan nilai pasaran adalah dibenarkan. Peruntukan untuk pengurangan nilai saham perlu berasaskan atas nilai pasaran dan kos saham tertentu. Apa-apa pertambahan dalam nilai saham yang mana peruntukan untuk pengurangan dalam nilai saham tidak diperlukan lagi, akan dikenakan cukai. Untuk menuntut potongan cukai bagi peruntukan pengurangan dalam nilai saham, asas dalam menentukan penurunan dalam nilai stok perlu dibuktikan.

11. Kemaskini dan Pindaan

KU No.4/2006 bertajuk Penilaian Stok Perdagangan dan Kerja Dalam Proses Bahagian 1 telah dipinda, dikemaskini, ditulis semula, disusun semula dan diterbitkan dalam dua bahagian seperti berikut:

- (a) KU No. 2/2020 bertajuk Layanan Cukai Ke atas Stok Perdagangan Bahagian I – Penilaian Stok; dan
- (b) KU No. 3/2020 bertajuk Layanan Cukai Ke atas Stok Perdagangan Bahagian II – Ambilan Stok

Kedua-dua KU perlu dibaca bersama-sama.



12. **Penafian**

Contoh-contoh di dalam KU ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**